

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 03 APRIL 2018

MUKA SURAT: 33

Allahyarham Abu Zarin diberi kenaikan pangkat

KUANTAN 2 April - Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Allahyarham Abu Zarin Hussin, 33, yang maut akibat dipatuk ular tedung selar pertengahan bulan lalu dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Bomba Kanan II.

Pengumuman kenaikan pangkat Abu Zarin dibuat oleh Ketua Pengarah JBPM, Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim dan berkuat kuasa serta-merta.

Wan Mohd. Nor berkata, ia sebagai tanda penghargaan JBPM kepada Abu Zarin atas segala jasa dan dedikasi beliau berkhidmat di jabatan tersebut.

"Allahyarham seorang anggota yang berdedikasi dan komited dengan tugas. Ilmu mengenai haiwan berbisa terutama ular dipelajari dengan inisiatifnya sendiri dan menjadi rujukan anggota lain.

"Kita berharap dengan kenaikan pangkat, anugerah dan pemberian sumbangan ini sedikit-sebanyak dapat membantu keluarga arwah Abu Zarin," katanya dalam majlis Penganugerahan Pingat Kebesaran Jabatan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan 30 tahun di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah JBPM negeri, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin dan Timbalan JBPM negeri, Mohd. Sami Harul.

Anugerah Pingat Kebesaran JBPM dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang serta sumbangan RM10,000 daripada kerajaan negeri kepada Allahyarham Abu Zarin, diterima balunya Azieana Farhana Mohd.

Abu Zarin yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Temerloh, disahkan meninggal dunia pada 16 Mac lalu ketika

Bisa tedung selar ragut nyawa Abu Zarin

TEMERLOH 16 Mac - Bua ular tedung selar sepanjang kira-kira 4.5 meter memang 'nyawa' orang anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat, Abu Zarin Hussin, 33, yang tertolak dengan keberanian memanggul serta memanggulnya sendiri. Allahyarham Abu Zarin yang digelar 'Wira Penyelamat' dan pernah sembilan kali dipatuk ular berbisa meninggal dunia ketika menjalankan rawatan di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (Hoshas) selepas dipukul reptilia itu Selasa lalu.

Allahyarham yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat Temerloh meninggal sewaktu dituruti di Hoshas sebelum menghidupkan nafas terakhir pada pukul 12.54 pagi tadi.

Pengarah Bomba dan Penyelamat negeri, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin berkata, Allahyarham Abu Zarin dibunuh oleh ular tedung selar empat hari sebelum meninggal dunia.



ABU ZARIN HUSSIN meninggal dunia akibat dipatuk ular tedung selar.

KERATAN Utusan Malaysia 17 Mac 2018.



AZIEANA FARHANA MOHD.

menerima rawatan di Hospital Sultan Ahmad Shah (Hoshas) Temerloh selepas dipatuk ular tedung selar empat hari sebelum itu.

Dalam pada itu, Azieana memberitahu, dia sudah berulang kali menasihatkan suaminya agar berhenti mengendalikan haiwan berbisa terutama ular, namun beliau enggan.

Setiap kali mengutarakan perkara itu, katanya, Allahyarham suaminya hanya memintanya bersabar.

"Arwah memang suka dengan haiwan, dia sendiri pun ada memelihara tupai dan musang. Sudah banyak kali saya menasihatkannya agar berhenti mengendalikan ular tetapi dia hanya meminta saya bersabar," katanya.